

Helah Barat halang MALBATT berkhidmat di Bosnia

Oleh
KAMARUZAMAN MOHAMAD

SHAH ALAM 5 Jun — Laporan palsu kononnya Malaysia membekalkan senjata kepada puak Islam Bosnia mungkin bertujuan untuk mengasingkan tentera Malaysia daripada terus berkhidmat di Bosnia-Herzegovina, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mengikut kelazimannya, mana-mana negara yang didapati menyeludup senjata tidak boleh menghantar tenteranya untuk berkhidmat di bawah

panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di tempat-tempat tertentu.

"Jadi nampaknya mungkin (ia percubaan) nak mengasingkan kita," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas sama ada kemungkinan laporan itu sengaja diputarbelitkan oleh negara Barat atau media Barat.

Dalam hal ini, Mahathir bimbang kalau-kalau askar Malaysia tidak boleh berkhidmat di Bosnia.

Dalam masa yang sama, katanya, rakyat Bosnia sekarang diugut jika mereka tidak mahu

menerima rancangan damai anjuran Barat, maka negara-negara Barat akan menarik balik askar mereka dari Bosnia.

"Kalau dia (Barat) tarik balik askar mereka dan kalau kita ada, sekurang-kurangnya kita boleh membantu. Kalau kita tak ada maka orang-orang Islam Bosnia akan disembelih tanpa sesiapa yang nak tolong," tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian selepas melawat Pertunjukan Bot Antarabangsa Malaysia 1994 di Taman Tasik Shah

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Helah Barat halang MALBATT berkhidmat di Bosnia

Alam di sini. Ditanya mengenai *Cable News Network (CNN)* meminta maaf di atas laporannya yang menuduh Malaysia menyeludup senjata ke Bosnia, Dr. Mahathir hanya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Dalam laporannya baru-baru ini, stesen televisyen Amerika Syarikat itu mendakwa Malaysia adalah salah sebuah daripada tiga negara Islam yang menghantar senjata kepada puak Islam di Bosnia.

Mahathir juga menyuarakan sekali lagi gesaan Malaysia supaya PBB menarik balik sekatan senjata ke atas Bosnia kerana mereka kini tidak mempunyai senjata sama sekali untuk mempertahankan diri.

Katanya, puak Serb mendapat senjata yang banyak daripada Belgrade dan mungkin juga pihak-pihak lain.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, PBB hendaklah menarik balik sekatan senjata yang dikenakan terhadap puak Islam sahaja dan bukannya ke atas puak Serb.

Menurut Perdana Menteri, PBB tidak dapat berbuat apa-apa ke atas puak Serb ketika mereka (Serb) merampas balik senjata mereka daripada PBB baru-baru ini.

Menjawab pertanyaan, Mahathir juga berkata, Malaysia bersedia menjadi tuan rumah persidangan antarabangsa bagi mencari perdamaian di Bosnia.

Sidang Menteri-Menteri Luar Pegerakan Negara-Negara Berkecuali di Kaherah baru-baru ini telah menerima cadangan Malaysia supaya diadakan persidangan antarabangsa mengenai Bosnia.